

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1/1993**

#### **MELANJUTKAN TEMPOH KEMUDAHAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil. 7/239/93 (11) dalam sidangnya pada 31 Mac 1993 telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- 1.1 Melanjutkan tempoh kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan bagi membolehkan tuan tanah Bukan Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli Bukan Melayu Anak Kelantan atau Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938 sehingga 31 Disember 1994.
- 1.2 Melanjutkan tempoh kebenaran am di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi membolehkan tuan tanah Melayu di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli Melayu Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran/gadaian kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1930 sehingga 31 Disember 1994.

- 1.3 Memberi pengecualian bayaran pendaftaran untuk pindahmilik pertama dan gadaian di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah bagi rumah kos rendah jenis biasa rumah pangsa sehingga 31 Disember 1994.
- 1.4 Memberi pengecualian bayaran pendaftaran untuk pindahmilik pertama dan gadaian bagi rumah kos rendah jenis biasa dan jenis rumah pangsa di bawah Program Khas Rumah Awam Kos Rendah yang dibina oleh Kerajaan dan tempohnya ialah sehingga semua unit rumah tersebut habis dijual oleh Kerajaan.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Arahan PTG.KN. Bil 2/1989 dan Bil. 1/1991.
3. Pekeliling yang berkaitan iaitu Pekeliling PTG.KN.Bil 1/1992 dengan ini dimansuhkan.

**t.t**

**(Haji Ashaari Bin Haji Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.**

**BERTARIKH: 18 APRIL 1993**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelanta

**SALINAN KEPADA:**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
10. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL: P.T.G.KN. SULIT 23/3/1/Jld.2/(66)**